

09/04/2001

Puteri Umno susun strategi tarik sokongan

Kadir Dikoh; Kamudin Baharom

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat pertama Jawatankuasa Penaja Puteri Umno esok dijangka menyusun struktur organisasinya bagi menggerakkan penubuhan barisan pelapis itu dalam usaha menarik sokongan wanita muda.

Ketua penajanya, Azalina Othman, berkata antaranya ialah mewujudkan tiga jawatan penolong setiausaha, bendahari dan ketua penerangan, selain ahli exco biasa.

"Setakat ini semua negeri kecuali Perlis, Kedah dan Pahang sudah mengemukakan senarai untuk dicadangkan menganggotai jawatankuasa penaja Puteri. Kami masih menunggu senarai dari tiga negeri itu daripada badan perhubungan Umno negeri masing-masing.

"Selain 13 ahli dipilih dari negeri, enam lagi dilantik melalui sokongan saya kepada Majlis Tertinggi (MT). Saya akan mengumumkan semua senarai itu esok," katanya.

Azalina yang juga ahli MT berkata, pihaknya juga akan membincang untuk mewujudkan kad keahlian Puteri.

Katanya, mesyuarat pertama esok adalah mesyuarat perkenalan ahli jawatankuasa dan pihaknya juga akan mengatur program kunjungan hormat kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kunjungan hormat itu akan turut dilakukan terhadap Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ditanya mengenai sambutan wanita muda untuk menyertai Puteri, Azalina berkata setakat ini tindak balas itu amat positif dan ramai yang mahu terbabit dalam pergerakan pelapis Umno itu.

Mesyuarat MT Umno baru-baru ini melantik Azalina, 37, sebagai Ketua Penaja Puteri Umno, sekali gus menamatkan teka-teki mengenai siapa yang akan mengetuai badan pelapis parti.

Mesyuarat MT sebelum ini memutuskan Ketua Puteri Umno hendaklah berusia 40 tahun ke bawah, manakala ahlinya pula hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun.

Umno juga memutuskan jawatankuasa penajanya akan dianggotai 20 ahli dengan tujuh daripadanya dilantik oleh MT dan 13 lagi dipilih melalui badan Perhubungan Umno negeri.

Sementara itu, seorang penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), Marzita Mansor, 30, dicadangkan oleh Perhubungan Umno Perlis untuk mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno negeri itu.

Pemilihannya diumumkan oleh Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim, selepas majlis perjumpaan Puteri Umno di Dewan Kompleks Warisan, Jalan Kolam di Kangar, hari ini.

Marzita, seorang pendidik, kini adalah penuntut tahun satu dalam jurusan Pengurusan Sukan UiTM, Shah Alam.

Jawatan naib ketua Puteri Umno Perlis disandang seorang lagi pendidik iaitu Roziana Ahmad, 35, manakala seorang pustakawan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Behor Pulau, Mariani Abidin sebagai setiausahanya.

Shahidan turut mengumumkan lapan ahli jawatankuasa sementara yang terdiri daripada Shalina Shahrom, Afifah Latif, Nor Adila Mohd Rejab, Norina Abd Majid, Nordaliza Dohhat.

Norazura Abdul Rahman, Nor Shafizah Shahidan dan Rohazani Datuk Bahari.

Sementara itu, Marzita yang ditemui selepas majlis itu begitu terharu di atas pelantikan dan mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Umno,

terutama Shahidan.

"Saya begitu terharu dan terkejut diatas pemilihan sebagai ketua protem Puteri Umno negeri Perlis.

"Bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada kepimpinan Umno negeri yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menduduki jawatan itu.

"Saya berharap Puteri Umno akan dapat berganding bahu dengan pergerakan wanita Umno untuk membantu ke arah memantapkan lagi perjuangan dan prestasi Umno, khususnya di Perlis," katanya.

(END)